Raymond Michael Ignatius & Satu Yang Lain lwn D & C Finance Bhd

MAHKAMAH TINGGI (PULAU PINANG) — RAYUAN SIVIL NO 12–13–93
ABDUL HAMID H
18 MEI 1994

Acara Sivil *— Pelaksanaan — Penahanan gaji — Sama ada perintah penahanan gaji boleh diberikan oleh mahkamah majistret — Akta Penghutang 1980 — Kaedah-Kaedah Mahkamah Rendah 1980 A 24 k 1 & A 30 k 8*

Acara Sivil *— Pelaksanaan — Penahanan gaji — Sama ada majikan defendan tertakluk kepada penghakiman terhadap defendan — Kaedah-Kaedah Mahkamah Rendah 1980 A 30 k 8*

Acara Sivil *— Pelaksanaan — Penahanan gaji — Sama ada boleh dibenarkan di bawah bidang kuasa sedia ada mahkamah — Kaedah-Kaedah Mahkamah Rendah 1980 A 1 k 4 & A 53 k 11*

D & C Finance Bhd ('penentang') telah memperolehi satu penghakiman ingkar terhadap kedua-dua perayu untuk jumlah sebanyak RM4,047.30, faedah, faedah kerana bayaran lewat dan kos. Penentang kemudiannya telah memohon suatu perintah supaya majikan perayu, B Braun Medical Industries Sdn Bhd, memotong gaji perayu untuk membayar hutang penghakiman itu. Peguam perayu telah membangkitkan bantahan awal membantah permohonan itu atas alasan mahkamah tidak mempunyai bidang kuasa untuk membuat perintah yang dipohon itu. Majistret telah menolak bantahan awal itu. Perayu telah membuat rayuan dan soalnya adalah sama ada mahkamah majistret mempunyai bidang kuasa untuk membuat perintah mengarahkan seorang majikan memotong gaji pekerjanya untuk menjelaskan suatu hutang penghakiman. Kedua pihak bersetuju bahawa tidak terdapat peruntukan khusus yang memberi kuasa kepada mahkamah untuk membuat perintah yang dipohon itu. Tetapi peguam bagi pihak penentang berhujah bahawa mahkamah boleh membuat perintah itu di bawah s 3 Akta Penghutang 1957 dibaca dengan A 24 k 1 dan A 30 k 8 Kaedah-Kaedah Mahkamah Rendah 1980 ('KMR') dan di bawah bidang kuasa sedia ada mahkamah.

Diputuskan, membenarkan rayuan itu:

(1) Gaji yang akan dibayar kepada seseorang di masa hadapan tidak boleh ditahan melainkan jika terdapat peruntukan khusus mengenainya, misalnya, seperti dalam Akta Perempuan Bersuami dan Anak-Anak (Penguatkuasaan Nafkah) 1968 atau diperuntukkan dalam kaedah-kaedah mahkamah.

(2) Mahkamah majistret tidak mempunyai bidang kuasa untuk membuat perintah tahanan gaji seperti itu kerana tidak terdapat peruntukan khusus di bawah KMR mahupun di bawah mana-mana kaedah mahkamah yang memperuntukkan perintah seperti

yang dipohon itu. Aturan 37 KMR yang berkenaan dengan Akta Penghutang 1957 memperuntukkan prosedur mengenai tindakan terhadap penghutang itu sendiri, bukan terhadap majikannya. Lagipun, A 24 KMR hanya terpakai apabila terdapat peruntukan lain yang membenarkan permohonan itu dibuat.

(3) Aturan 30 k 8 juga tidak membantu penentang kerana penghakiman itu hanya terhadap perayu dan tidak menyebut bahawa B Braun Medical Industries Sdn Bhd mesti mematuhinya. Juga tidak ada mana-mana peruntukan undang-undang yang membolehkan penghakiman itu dikuatkuasakan terhadap B Braun Medical Industries Sdn Bhd dengan cara yang dilakukan ini.

(4) Bidang kuasa sedia ada mahkamah di bawah A 1 k 4 dan A 53 k 11 akan digunakan hanya bila perlu untuk mencegah ketidakadilan atau penyalahgunaan proses mahkamah. Dalam kes ini, terdapat remedi yang mencukupi seperti prosiding garnismen, saman penghutang penghakiman dan writ penyitaan dan penjualan yang boleh digunakan tetapi tidak digunakan. Perintah yang dipohon bukanlah satu perintah yang perlu dibuat untuk mencegah ketidakadilan dan ini bukanlah satu keadaan di mana mahkamah patut menggunakan bidang kuasa sedia adanya.

[English summary

D & C Finance Bhd ('the respondent') had obtained a default judgment against both appellants for the sum of RM4,047.30, interest, interest for late payment dan costs. The respondent subsequently applied for an order that the appellants' employer, B Braun Medical Industries Sdn Bhd, be directed to deduct the appellants' salaries to settle the judgment debt. Counsel for the appellants raised a preliminary objection to oppose the application on the ground that the court had no jurisdiction to make the order applied for. The magistrate dismissed the objection. The appellants appealed and the question was whether the magistrates' court had the jurisdiction to make an order directing an employer to deduct the salary of an employee to settle a judgment debt. Both parties agreed that there was no specific provision which empowered the court to make the order applied for. However, counsel for the respondent argued that the court could make the order pursuant to s 3 of the Debtors Act 1957 read together with O 24 r 1 and O 30 r 8 of the Subordinate Courts Rules 1980 ('the SCR') and under the court's inherent jurisdiction.

Held, allowing the appeal:

(1) The salary that is to be paid to a person in the future cannot be attached unless there is a specific provision in that regard, for example, the Married Women dan Children (Enforcement of Maintenance) Act 1968, or if it is provided for in the rules of court.

(2) The magistrates' court does not have jurisdiction to make such an order for the attachment of salary because there are no specific

provisions in the SCR or under any rules of court which provide for the making of the order applied for. Order 37 of the SCR, which is in respect of the Debtors Act 1957, provides for the procedure with regard to action which can be taken against the debtor himself, and not his employer. Furthermore, O 24 of the SCR only applies where there are other provisions which allow the application to be made.

(3) Order 30 r 8 also does not assist the respondent because the judgment was only against the appellants and did not state that B Braun Medical Industries Sdn Bhd had to comply with it. There are also no legal provisions which enable the judgment to be enforced against B Braun Medical Industries Sdn Bhd in the manner applied for.

(4) The inherent jurisdiction of the court will under O 1 r 4 and O 53 r 11 only be exercised where necessary to prevent injustice or abuse of the process of court. In this case, there were sufficient remedies such as garnishee proceedings, the judgment debtor summons and writ of seizure and sale that could be used but were not. The order applied for was not an order that was necessary to prevent injustice and this was not a situation in which the court should exercise its inherent jurisdiction.]

[*Nota Penyunting*: Responden telah membuat rayuan ke Mahkamah Agung.]

Nota-nota

Untuk kes mengenai penahanan gaji, lihat 2 *Mallal's Digest* (4th Ed) perenggan 900.

Kes-kes rujukan

1 *Loo Chay Meng v Ong Cheng Hoe (Gamuda Sdn Bhd, Garnishee)* [1990] 1 MLJ 445 (dirujuk)

2 *Permodalan MBf Sdn Bhd & Ors v Tan Sri Datuk Seri Hamzah bin Abu Samah & Ors* [1988] 1 MLJ 178 (diikut)

3 *TS Doss v PRM Ramasamy Pillai* 1 FMSLR 445 (dirujuk)

4 *Hongkong and Shanghai Banking Corp v Goh Su Liat (Telecommunication Authority of Singapore, Garnishee)* [1986] 2 MLJ 86 (dibeza)

Undang-undang rujukan

Perlembagaan Persekutuan perkara 121(1)

Akta Penghutang 1957 s 3

Kaedah-Kaedah Mahkamah Rendah 1980 A 1 k 4, A 24 k 1, A 30 k 8, A 37, A 53 k 11

Thayalan Muniandy (*Meena, Thayalan & Partners*) bagi pihak perayu.

Nawal bte Harun @ Abdul Rahman (*Gan Teik Chee & Ho*) bagi pihak penentang.

Abdul Hamid H: Pada 13 Mei 1991, D & C Finance Bhd ('penentang') telah memperolehi satu penghakiman ingkar terhadap kedua-dua perayu dalam Saman No 72–331–91. Mereka diperintahkan membayar sejumlah wang sebanyak RM4,047.30, faedah, faedah kerana bayaran lewat dan kos. Tidak diketahui apakah kausa tindakan dalam guaman itu. Tetapi yang pasti ialah ia bukanlah suatu tuntutan nafkah.

Melalui satu notis permohonan bertarikh 1 Julai 1992, penentang membuat permohonan untuk mendapat perintah bahawa:

(a) B Braun Medical Industries Sdn Bhd yang beralamat di Bayan Lepas Free Trade Zone, 11900 Pulau Pinang membayar kepada plaintif wang bulanan sebanyak RM500 yang akan dipotong masing-masing dari gaji bulanan bersih Raymond Michael Ignatius a/l John Ignatius, defendan kedua, dan Rajagopal a/l Soorapan, defendan ketiga yang tersebut di atas, sepanjang masa defendan-defendan kedua dan ketiga akan menggaji di B Braun Medical Industries Sdn Bhd dan sehingga hutang penghakiman sebanyak:

(i) jumlah wang sebanyak RM4,047.30 (termasuk bayaran lewat sebanyak RM32.29 dan bayaran pos sebanyak RM3.60) seperti pada 27 Februari 1991;
(ii) faedah sebanyak 13% setahun dikenakan dari 28 Februari 1991 hingga tarikh pembayaran dalam kiraan bulanan;
(iii) bayaran lewat (late charges) dikenakan sebanyak 1% setahun di atas kadar faedah semasa (pada masa ini adalah 13% setahun) dari 28 Februari 1991 hingga tarikh pembayaran dalam harian;
(iv) kos seperti yang dinyatakan dalam perenggan 3 dan 5 dalam pernyataan tuntutan di dalam ini; dan
(v) kos yang ditaksir sebanyak RM222.50 dibayar dengan sepenuhnya.

(b) Ansuran sebanyak RM500 bagi setiap bulan dibayar kepada plaintif mulai dari tarikh perintah diberikan sehingga penjelasan sepenuhnya.
(c) Kos permohonan ini dibayar oleh defendan-defendan kedua dan ketiga kepada plaintif.

B Braun Medical Industries Sdn Bhd adalah majikan perayu-perayu. Ringkasnya, penentang memohon perintah supaya majikan perayu-perayu memotong gaji perayu-perayu untuk membayar hutang perayu-perayu kepada penentang. Permohonan itu dibuat dalam saman asal di mana B Braun Medical Industries Sdn Bhd bukan satu pihak.

Peguam perayu-perayu telah membangkitkan bantahan awal membantah permohonan itu atas alasan mahkamah tidak mempunyai bidang kuasa untuk membuat perintah yang dipohon itu. Puan majistret menolak bantahan awal itu. Beliau berpendapat mahkamah mempunyai bidang kuasa membuat perintah yang dipohon itu.

Jadi soalnya hanyalah sama ada mahkamah majistret mempunyai bidang kuasa untuk membuat perintah mengarahkan seorang majikan memotong gaji pekerjanya untuk menjelaskan suatu hutang penghakiman.

Kedua pihak bersetuju bahawa tidak terdapat peruntukan khusus seperti s 4 Akta Perempuan Bersuami dan Anak-Anak (Penguatkuasaan Nafkah) 1968 berhubung dengan perintah nafkah.

Maka untuk menjawab soalan ini perlulah dilihat sama ada terdapat apa-apa peruntukan undang-undang, walaupun yang berbentuk umum, yang memberi kuasa kepada mahkamah membuat perintah yang dipohon itu.

A Sehubungan dengan ini, kita mestilah waspada kepada peruntukan perkara 121(1) Perlembagaan Persekutuan yang, antara lain, menyatakan '... and the High Courts and inferior courts shall have such jurisdiction and powers as may be conferred by or under federal law'.

Peruntukan undang-undang persekutuan yang berkenaan ialah Akta B Penghutang 1957. Seksyen 3, setakat yang berkenaan, memperuntukkan:

> Subject to and in accordance with any rules of court any sum of money payable under the judgment of a court may be recovered in case of default or failure of payment thereof forthwith or at a time or times, or in the manner thereby directed by execution whether legal or equitable against the property movable or immovable of the party against whom the judgment was obtained:
>
> C Provided that the following shall not be liable to attachment, seizure or sale in such execution, namely:
>
> ...
>
> (f) wages or salary of the judgment debtor:
>
> Provided that where such wages or salary exceed two hundred ringgit a D month —
>
> (i) the court may authorize execution to be levied in such manner as may be prescribed by rules of court in respect of such excess or part thereof as the court may think just; ...

E Ringkasnya, mengikut peruntukan ini, gaji seseorang yang melebihi RM200 boleh ditahan (attached), tertakluk kepada dan mengikut cara yang diperuntukkan oleh kaedah-kaedah mahkamah.

Soalnya, adakah terdapat apa-apa kaedah mahkamah dibuat dalam perkara ini?

Aturan 37 Kaedah-Kaedah Mahkamah Rendah 1980 ('KMR 1980') F adalah satu peruntukan yang berkenaan. Aturan itu bertajukkan 'Akta Penghutang 1957'. Ia memperuntukkan dengan khusus prosedur mengenai 'penangkapan penghutang penghakiman', 'penangkapan atau penahanan sebelum penghakiman', 'saman penghutang penghakiman', 'notis penghakiman', dan 'pengkomitan'.

Perlu diambil perhatian bahawa, pertama, semua tindakan yang G diperuntukkan itu adalah terhadap penghutang itu sendiri, bukan terhadap majikannya. Kedua, tidak terdapat peruntukan berkenaan perintah seperti yang dipohon dalam kes ini.

Selain daripada itu, terdapat A 30 yang memperuntukkan cara penguatkuasaan penghakiman dan perintah. Berkenaan penguatkuasaan H penghakiman bagi pembayaran wang, tiga cara diperuntukkan, iaitu:

(a) writ penyitaan dan penjualan;
(b) prosiding garnismen; dan
(c) dalam hal di mana k 5 terpakai, suatu perintah pengkomitan.

I Peruntukan lanjut mengenai cara-cara itu diperuntukkan dalam A 32, A 33 dan A 34.

Jadi, saya dapati bahawa tidak terdapat peruntukan khusus baik di bawah KMR 1980 atau di bawah mana-mana 'kaedah mahkamah' yang memperuntukkan cara bagi membuat perintah seperti yang dipohon ini.

Peguam penentang menghujahkan bahawa A 24 KMR 1980 adalah kaedah-kaedah yang diperuntukkan seperti yang dikehendaki oleh s 3(1)(f) Akta Penghutang 1957 itu.

Di sini eloklah diperturunkan peruntukan itu:

> 1(1) Jika menurut kaedah-kaedah ini sesuatu permohonan semasa apa-apa prosiding sebelum atau selepas penghakiman dibenarkan secara nyata atau melalui implikasi dibuat kepada Mahkamah, maka permohonan itu mestilah dibuat melalui notis dan hendaklah didengar dalam kamar.

Dengan hormat, hujah ini tidak berasas, kerana, permohonan itu mestilah satu permohonan yang dibenarkan dibuat menurut KMR 1980 itu sendiri. Ertinya, mestilah terlebih dahulu ada peruntukan yang membolehkan sesuatu permohonan itu dibuat kepada mahkamah oleh KMR 1980 seperti permohonan untuk mendapat kebenaran meminda saman atau pliding (A 15 k 1 KMR 1980), maka, dalam keadaan itu, permohonan itu bolehlah dibuat mengikut acara yang diperuntukkan oleh A 24 itu. Dalam kata-kata lain, sebelum menggunakan acara yang diperuntukkan oleh A 24 itu, mestilah ada peruntukan lain yang membenarkan permohonan itu dibuat. Sayugia diingati tidak ada peruntukan seperti yang akhir disebut itu bagi membuat permohonan seperti yang dibuat dalam kes ini.

Peguam penentang juga menghujahkan jika prosedur yang diikuti olehnya itu salah pun, itu cuma satu 'irregularity' dan bukan satu 'nullity'. Beliau mungkin bermaksud untuk menarik perhatian mahkamah kepada A 2 KMR 1980. Tetapi adalah jelas bahawa, dalam hal ini A 2 itu tidak berkenaan. Apa yang dipertikaikan ini bukan cuma sekadar prosedur mana yang hendak diikuti, tetapi sama ada terdapat peruntukan atau tidak yang membenarkan permohonan seperti ini dibuat. Dalam kata-kata lain, isunya ialah soal bidang kuasa, bukan cuma bentuk permohonan itu.

Peguam penentang juga merujukkan saya kepada A 30 k 8(2) yang berbunyi:

> Mana-mana orang, yang bukan suatu pihak dalam sesuatu kausa atau perkara, yang terhadapnya pematuhan kepada mana-mana penghakiman atau perintah boleh dikuatkuasakan, boleh dikenakan proses yang sama bagi menguatkuasakan pematuhan kepada penghakiman atau perintah itu seolah-olah dia adalah suatu pihak.

Dengan hormat, dalam penghakiman saya, peruntukan ini juga tidak boleh membantu penentang. Pihak ketiga yang dimaksudkan di sini ialah pihak ketiga 'yang pematuhan kepada mana-mana penghakiman atau perintah boleh dikuatkuasakan'. Penghakiman yang diperolehi oleh penentang hanya terhadap perayu-perayu. Perintah itu tidak menyebut bahawa B Braun Medical Industries Sdn Bhd mesti mematuhinya. Juga tidak ada mana-mana peruntukan undang-undang yang membolehkan penghakiman itu dikuatkuasakan terhadap B Braun Medical Industries Sdn Bhd dengan cara yang dilakukan ini. Lainlah halnya, jika misalnya, penentang memohon mengikut prosiding garnismen yang dibolehkan di bawah A 33.

Akhir sekali, peguam penentang menghujahkan bahawa sebagai satu alternatif, permohonan ini dibuat di bawah bidang kuasa sedia ada mahkamah. Beliau merujukkan saya kepada peruntukan A 1 k 4, terutama

sekali perenggan (2). Tetapi untuk memberi gambaran yang menyeluruh eloklah kesemua k 4 itu diperturunkan:

> (1) Dalam apa-apa perkara mengenai prosedur atau amalan yang tidak diperuntukkan dalam Kaedah-Kaedah ini, prosedur atau amalan yang sedang digunakan atau berkuatkuasa di Mahkamah Tinggi hendaklah, dengan sehampir yang boleh, diikuti dan diterimapakai.
> (2) Dalam apa-apa perkara sedemikian jika tidak mungkin memakai perenggan (1), Mahkamah boleh membuat apa-apa perintah dan memberikan apa-apa arahan yang mungkin dapat menjaminkan keadilan yang substansial di antara pihak-pihak itu, dengan memberi perhatian kepada penyelesaian terus perkara-perkara yang menjadi isu dan penjimatan kos.

Tetapi untuk memakai perenggan (2) pun, ujiannya ialah bahawa perintah itu mungkin dapat menjaminkan keadilan yang substansial.

Rasanya peruntukan A 53 k 11 adalah lebih berkenaan dengan hujah peguam penentang itu. Jadi eloklah saya bincang kedua-duanya sekali.

Aturan 53 k 11 memperuntukkan:

> Bagi menghapuskan keraguan maka adalah dengan ini diisytiharkan bahawa tiada apa-apa jua dalam kaedah-kaedah ini boleh disifatkan sebagai menghadkan atau menyentuh kuasa sedia ada Mahkamah untuk membuat apa-apa perintah sebagaimana yang perlu untuk mencegah ketakadilan atau untuk mencegah penyalahgunaan proses Mahkamah.

Seperti yang diperuntukkan oleh kaedah itu, perintah itu mestilah suatu yang perlu untuk mencegah ketakadilan atau untuk mencegah penyalahgunaan proses mahkamah. Soal sama ada perintah yang dipohon ini perlu untuk mencegah penyalahgunaan proses mahkamah tidak timbul. Maka soalnya ialah sama ada perintah yang dipohon itu perlu untuk mencegah ketakadilan. Dalam hal ini, terdapat beberapa acara lain yang diperuntukkan oleh KMR 1980 seperti writ penyitaan dan jualan, garnismen dan saman penghutang penghakiman. Semua ini boleh digunakan tetapi tidak digunakan. Nampaknya, jalan yang sedia ada tidak hendak dilalui; jalan yang belum ada cuba diterokai. Dalam keadaan ini, perintah yang dipohon ini bukanlah satu perintah yang perlu dibuat untuk mencegah ketakadilan.

Sehubungan dengan ini, peguam penentang merujukkan saya kepada beberapa penghakiman. Pertama, kes *Loo Chay Meng v Ong Cheng Hoe (Gamuda Sdn Bhd, Garnishee)*.[1] Dalam kes itu, VC George H membuat perintah mengetepikan perintah garnismen mutlak yang dibuat secara ex parte. Dua alasan diberi. Pertama, bidang kuasa diberi kepada mahkamah di bawah A 32 k 6 Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980. Kedua, sebagai alternatif, di bawah bidang kuasa sedia ada mahkamah.

Perlu diambil perhatian, hakim yang arif itu dalam penghakimannya, di halaman 446 berkata:

> If O 32 r 6 cannot be applied in an O 49 situation, then we have a situation of 'a lacuna in the face of the rules which causes a procedural injustice' in that it cannot be said that the 'rules contain provision making available sufficient remedies'. In my judgment, in that kind of situation and if there is injustice, the court is not only entitled to but is obliged to make any order as may be necessary to prevent the injustice.

Dalam hal ini, penghakiman Mahkamah Agung dalam kes *Permodalan MBf Sdn Bhd & Ors v Tan Sri Datuk Seri Hamzah bin Abu Samah & Ors*,[2] yang kepadanya dirujuk dalam kes itu adalah berkenaan. Penghakiman itu, antara lain, mengatakan, 'It follows that where the rules contain provisions making available sufficient remedies, the court will not invoke its inherent powers.'

Dalam kes ini, terdapat remedi yang mencukupi seperti prosiding garnismen, saman penghutang penghakiman dan writ penyitaan dan penjualan. Dalam keadaan ini tidak boleh dikatakan ketidakadilan akan berlaku jika mahkamah tidak menggunakan bidang kuasa sedia adanya. Dalam kata-kata lain, saya berpendapat bahawa ini bukanlah satu keadaan di mana mahkamah patut menggunakan bidang kuasa sedia adanya.

Peguam perayu-perayu mengemukakan satu alasan lagi mengapa perintah yang dipohon itu tidak patut diberi. Penentang memohon perintah supaya gaji perayu-perayu dipotong mulai daripada tarikh perintah itu berkuatkuasa sehinggalah hutang itu selesai selama mereka berkerja dengan B Braun Medical Industries Sdn Bhd. Beliau menghujahkan ini bererti menahan (attach) hutang yang belum terakru kerana pada masa perintah dibuat, jika ia dibuat, gaji perayu-perayu bagi bulan-bulan selepas itu belum kena dibayar kepada mereka. Beliau merujuk kepada dua kes, iaitu *TS Doss v PRM Ramasamy Pillai*[3] dan *Hongkong and Shanghai Banking Corp v Goh Su Liat (Telecommunication Authority of Singapore, Garnishee)*.[4]

Kes *TS Doss*[3] telah diputuskan berdasarkan peruntukan s 265 Kanun Acara Sivil 1918. Malangnya, peruntukan seksyen itu tidak diperturunkan dalam penghakiman itu. Jadi adalah tidak selamat mengikutinya dengan buta tuli. Kes *Hongkong and Shanghai Banking Corp*[4] adalah berkenaan prosiding garnismen. Saya fikir kes itu juga tidak berkenaan. Permohonan untuk menahan pendapatan, jika diperuntukkan seperti dalam Akta Perempuan Bersuami dan Anak-Anak (Penguatkuasaan Nafkah) 1968, semestinya ke atas pendapatan yang akan diterima. Tetapi, tidak terdapat peruntukan seperti itu untuk tujuan permohonan ini. Walau bagaimana pun, prinsip yang terdapat dalam kedua-dua kes yang disebut itu boleh digunakan bagi menguatkan hujah bahawa gaji yang akan dibayar di masa hadapan tidak boleh ditahan melainkan jika terdapat peruntukan khusus mengenainya, misalnya, seperti dalam Akta Perempuan Bersuami dan Anak-Anak (Penguatkuasaan Nafkah) 1968 atau diperuntukkan dalam kaedah-kaedah mahkamah.

Kesimpulannya saya berpendapat bahawa mahkamah majistret tidak mempunyai bidang kuasa untuk membuat perintah tahanan gaji seperti yang dipohon dalam kes ini.

Saya meluluskan rayuan ini dengan kos.

Rayuan dibenarkan.

Dilaporkan oleh Anne Khoo